

**Najib mahu tumpah darah di Mesir dihentikan**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 15 , 2013**

Datuk Seri Najib Razak menyeru pihak berkuasa Mesir bertindak serta merta bagi menghentikan keganasan yang berlaku di negara itu.

Perdana menteri berkata, rakyat Malaysia terganggu dengan laporan keganasan terhadap penunjuk perasaan di Mesir dan menyeru pihak berkuasa untuk menjalankan sekatan.

"Mana-mana korban awam adalah amat dikesali. Juteru kami menggesa semua pihak untuk menghentikan permusuhan dengan serta-merta dan bekerja ke arah penyelesaian yang aman," kata Najib melalui akaun Twitternya @najibrzak.

Semalam, media melaporkan puluhan orang terbunuh apabila polis menggempur dua kem penunjuk perasaan utama penyokong bekas presiden yang digulingkan, Dr Mohamed Morsi.

Menurut koresponden agensi berita AFP di Rabaa al-Adawiya, kebanyakan mangsa terbunuh akibat terkena tembakan.

Jumlah mangsa korban itu tidak membabitkan kanak-kanak dan wanita.

Ikhwanul Muslimin bagaimanapun mendakwa, lebih 250 penyokong Mursi terkorban dalam kejadian itu.

Dalam pada itu, semua khidmat keretapi ke bandar Kaherah juga dihentikan dan jalan menuju ke kawasan kem berhampiran Masjid Rabaa ditutup.

Ikhwanul Muslimin mendakwa langkah itu diambil kerajaan bagi menghalang lebih ramai pengikut pertubuhan itu bergerak masuk ke bandar Kaherah.

Pihak pemerintahan semalam turut mengisytiharkan darurat apabila sekurang-kurangnya 95 orang terbunuh selepas pasukan anggota keselamatan bertindak ke atas para penentang yang mahukan Morsi kembali berkuasa.

Anggota pasukan keselamatan melepaskan tembakan dalam pertembungan dengan para penunjuk perasaan yang sekali gus mencetuskan keadaan huru-hara di ibu negara dan kota-kota lain di Mesir.

Suasana semakin tidak menentu dikalangan populasi 84 juta negara tersebut apabila pertempuran berlaku antara penyokong Morsi dan kumpulan yang menentang pentadbirannya. – 15 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-mahu-tumpah-darah-di-mesir-dihentikan>

